

NO. SOALAN: 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD**  
**[ LANGKAWI ]**

**TARIKH : 01 OGOS 2017 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad [ Langkawi ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pemandu UBER dan Grab yang berdaftar di Pulau Langkawi dan apakah kesannya terhadap pemandu-pemandu teksi di Pulau Langkawi.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) belum mempunyai maklumat rasmi mengenai data pemandu perkhidmatan *e-hailing* seperti UBER dan Grab kerana pemandu-pemandu ini masih belum berlesen atau berdaftar dengan SPAD.
2. Walau bagaimanapun, berdasarkan maklumat yang diterima daripada penyedia perkhidmatan UBER dan Grab, jumlah keseluruhan pemandu yang telah mendaftar sebagai penyedia perkhidmatan di Pulau Langkawi adalah dianggarkan sebanyak 200 orang. Daripada jumlah tersebut, hanya 20% pemandu aktif dan selebihnya adalah pemandu separuh masa.
3. Pada masa yang sama, trend pengguna pada hari ini yang lebih ramai gemar untuk memilih dan memanfaatkan penggunaan teknologi telah menjadikan perkhidmatan *e-hailing* sebagai pilihan utama mereka berbanding perkhidmatan teksi konvensional. Berdasarkan pemerhatian dan maklumat industri, pengurangan permintaan terhadap perkhidmatan teksi ini telah memberi kesan kepada pendapatan pemandu teksi dengan pengurangan pendapatan sehingga 30%.
4. Dalam hal ini, Kerajaan melalui Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah memperkenalkan beberapa inisiatif melalui Pelan Transformasi Industri Teksi (TITP). Inisiatif ini diformulasi

bertujuan bagi mengimbangi pendapatan serta kebajikan pemandu teksi dan *e-hailing* dalam memastikan penyelesaian dan mewujudkan persekitaran yang adil kepada semua pemain industri untuk bersaing secara sihat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM**  
**TARIKH : 1.8.2017**  
**SOALAN : NO.36**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada pihak universiti tempatan khususnya UITM telah mengambil tindakan terhadap pelajar yang dibawa untuk menghadiri Perhimpunan Agung UMNO di Stadium Bukit Jalil pada Mei 2017 memandangkan beberapa universiti tempatan pernah mengambil tindakan disiplin terhadap pelajar yang menyertai Perhimpunan Bersih pada tahun lepas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa mengamalkan konsep keterbukaan dan menghormati hak bersuara mahasiswa dalam melahirkan pelajar yang holistik dan seimbang.

Walau bagaimanapun, pelajar juga tertakluk kepada peraturan - peraturan universiti dan juga Akta Universiti Kolej Universiti (AUKU) 1971 (Pindaan 2009 & 2012) yang antara lain membenarkan pelajar untuk terlibat dalam aktiviti politik di luar kampus sahaja. Tindakan terhadap pelajar boleh diambil sekiranya pelajar terlibat dalam perhimpunan tanpa permit atau aktiviti - aktiviti lain yang boleh mengakibatkan berlakunya salahlaku seperti pergaduhan, kerosakan harta benda yang menggugat

ketenteraman awam, serta melakukan apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis di mana-mana perhimpunan.

Oleh yang demikian penglibatan mahasiswa dalam aktiviti politik mahupun dengan aktivis politik seharusnya juga dilihat dari perspektif perundangan dan akta-akta lain seperti Akta Perhimpunan Aman 2012 dan sebagainya. Sekiranya berlaku pelanggaran peraturan dan undang-undang sedia ada, pelajar boleh dikenakan tindakan tatatertib termasuklah kesalahan mencemar nama baik Universiti Awam.

Mahasiswa juga diingatkan agar sentiasa menjaga nama baik universiti dalam menjalankan apa jua aktiviti di dalam mahupun di luar kampus. KPT tidak akan berkompromi ke atas mana-mana mahasiswa yang tidak mematuhi dan melanggar peraturan-peraturan serta undang-undang negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK LINDA TSEN THAU LIN [ BATU SAPI ]**

**TARIKH: : 1 OGOS 2017 (SELASA)**

**SOALAN : 37**

**Datuk Linda Tsen Thau Lin [ Batu Sapi ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kedudukan terkini pemanjangan landasan Lapangan Terbang Sandakan.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah *Rolling Plan* Kedua, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP2, RMKe11), Kerajaan telah meluluskan projek Pembesaran Lapangan Terbang Sandakan, Sabah.

Pada masa ini, Kementerian dalam proses mendapatkan Cadangan Teknikal dan Kewangan (CTK) daripada kontraktor sebelum rundingan harga dilaksanakan. Laporan rundingan harga akan dihantar kepada Lembaga Perolehan Kementerian untuk dimuktamadkan. Surat Setuju Terima (SST) dijangka akan dikeluarkan kepada kontraktor pada bulan Ogos 2017. Kerja-kerja menaik taraf dijangka akan mengambil masa selama 18 bulan bermula Ogos 2017 dan dijangka siap pada Januari 2019.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[KLANG]**

**TARIKH** : **1 OGOS 2017 (SELASA)**

**SOALAN** : **38**

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kos keseluruhan pembangunan Integrated Maritime City Pulau Carey. Bagaimanakah Kerajaan mencadangkan untuk mendapatkan dana untuk projek ini. Apakah logik pembinaan satu lagi pelabuhan, apabila ada kapasiti berlebihan di Pelabuhan Klang.



## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan pembinaan pelabuhan ke-3 di Pulau Carey adalah bagi menampung kepesatan pertumbuhan kendalian kontena di Pelabuhan Klang melalui penambahan kapasiti dermaga dan yad kontena pada masa hadapan. Pelabuhan Klang telah mencatatkan pertumbuhan kendalian kontena yang memberangsangkan dengan mencatatkan kadar pertumbuhan purata di paras 8% - 10% dalam tempoh 10 tahun ini. Pada tahun 2016, Pelabuhan Klang mencatatkan kendalian kontena sebanyak 13.2 juta TEU (*twenty-foot equivalent unit*) berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu sebanyak 11.8 juta TEU.

Walaupun bagaimanapun, cadangan pembinaan pelabuhan ketiga di Pulau Carey masih diperingkat penggubalan dasar Kementerian dengan mengambil kira cadangan tersebut perlu diperhalusi daripada aspek penilaian dan perolehan tanah, model pembangunan dan model operasi pelabuhan. Apabila perkara-perkara ini dimuktamadkan oleh Kerajaan, perbincangan dengan pihak-pihak berkepentingan (*stakeholder engagement*) akan dijalankan oleh Kementerian dan disusuli dengan kajian-kajian berkaitan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI WILLIAM MAWAN IKOM  
[ SARATOK ]**

**TARIKH : 1 OGOS 2017 (SELASA)**

**SOALAN : 39**

**Tan Sri William Mawan Ikom [Saratok] minta MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan statistik kemalangan jalan raya antara tahun 2015 hingga 2016 dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan atau menghapuskan jumlah kemalangan tersebut.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, PDRM Bukit Aman, jumlah kemalangan jalan raya pada tahun 2015 adalah sebanyak 489,606 yang melibatkan kematian sebanyak 6,706 orang. Manakala bagi tahun 2016 pula, jumlah kemalangan telah meningkat kepada 521,466 dan yang melibatkan kematian adalah 7,152.

Kementerian ini melalui Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya telah merangka Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014 – 2020 dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kerja Raya dan agensi-agensi Kerajaan yang lain serta pihak swasta dan badan bukan Kerajaan yang berkaitan. Pelan ini akan dilaksanakan berdasarkan lima (5) Tonggak Strategik yang merangkumi program-program dan langkah-langkah intervensi yang dirancang untuk menangani isu-isu keselamatan jalan raya. Antara lima (5) Tonggak Strategik tersebut adalah seperti yang berikut:

- Tonggak Strategik 1 - Pengurusan Keselamatan Jalan Raya;
- Tonggak Strategik 2 - Mobiliti dan Jalan Raya Yang Lebih Selamat;
- Tonggak Strategik 3 - Kenderaan Yang Lebih Selamat;
- Tonggak Strategik 4 - Pengguna Jalan Raya Yang Lebih Selamat;
- Tonggak Strategik 5 - Pengurusan Pasca Kemalangan.

Selaras dengan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014 - 2020, elemen penguatkuasaan dan pendidikan telah ditambahbaik dari semasa ke semasa dengan mengambil kira maklum balas daripada *stakeholders* berkaitan dan pendekatan yang diguna pakai di negara-negara luar dalam menangani isu kemalangan jalan raya.

Di bawah elemen penguatkuasaan, Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan *Automated Awareness Safety System (AwAS)* sedia ada bagi memastikan penguatkuasaan lalu lintas dapat dijalankan secara berterusan (24 jam sehari) dan meningkatkan *Perception of Being Caught (POBC)* ke tahap yang lebih tinggi dan sekaligus mengubah tingkah laku pemandu. Selain itu, bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dan memastikan pengguna jalan raya tidak mengulangi kesalahan lalu lintas, Sistem Mata Demerit telah dilaksanakan semula sebagai satu mekanisma untuk mengubah tingkah laku pemandu agar lebih berhemah semasa berada di jalan raya.

Dari aspek pendidikan pula, program advokasi melibatkan *community-based* dan pembelajaran Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) kepada pelajar sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan. Selain itu, Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP) telah digubal semula berasaskan *learning outcome based* di mana penekanan akan diberikan terhadap aspek kognitif (*cognitive*), kemahiran (*psychomotor*) dan sikap (*affective*).

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK  
ANAK KUMBONG [HULU  
RAJANG]**

**TARIKH : 1 OGOS 2017 (SELASA)**

**SOALAN : 40**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan :-

- (a) sekiranya Kerajaan bercadang untuk membina jalan akses ke Sungai Tunoh, Baleh, Kapit; dan
- (b) bilakah jalan tersebut dapat dibina.

**JAWAPAN :**

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan bagi pelaksanaan projek Jalan Luar Bandar (JALB) di bawah Kementerian ini adalah tertakluk kepada kelulusan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) yang dipohon berdasarkan kepada senarai keutamaan yang telah dikemukakan dan dipersetujui oleh Kerajaan Negeri. Hanya projek-projek yang telah diluluskan oleh EPU, JPM sahaja mempunyai peruntukan bagi pelaksanaannya. Berdasarkan kepada senarai permohonan projek yang telah dikemukakan kepada EPU, JPM bagi Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), *Rolling Plan* 3 Tahun 2018, cadangan untuk membina jalan akses ke Sungai Tunoh, Baleh, Kapit tiada dalam senarai keutamaan Kerajaan Negeri dan tidak diangkat permohonan kepada EPU, JPM. Kementerian telah memohon kepada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak untuk menyemak dan mempertimbangkan permohonan ini untuk disenaraikan sebagai salah satu projek keutamaan Kerajaan Negeri.